



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

RAMADHAN: KENAPA LEPASKAN PELUANG MEMBACA AL-QUR'AN?

(Bilangan 295 Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Bilakah Waktu Memulakan Dan Mengkhatam al-Qur'an?

Waktu memulakan dan mengkhatam al-Qur'an itu tertakluk kepada si pembaca untuk memilihnya. *Sayyidina 'Utsman Radhiallahu 'anhu*, apabila dia khatam seminggu sekali beliau memulakan pembacaan al-Qur'an pada malam Jum'at dan khatam pada malam Khamis.

Menurut al-Imam Abu Hamid al-Ghazali *Rahimahullahu Ta'ala* di dalam kitab al-Ihya', afdhal memulakan waktu mengkhatam al-Qur'an itu sekali pada waktu malam dan sekali lagi pada waktu siang. Menjadikan khatam pada waktu siang itu pada hari Isnin di dalam sembahyang sunat dua rakaat Fajar (Subuh) atau selepasnya. Manakala khatam pada waktu malam pula, dilakukan pada malam Jum'at di dalam sembahyang sunat dua rakaat Maghrib atau selepasnya.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Daud daripada 'Amru bin Murrah at-Tabi'ie al-Jalil *Radhiallahu 'anhu* katanya: *"Mereka suka mengkhatam al-Qur'an itu daripada awal malam atau awal siang."*

Sementara riwayat daripada Thalhah bin Musharrif at-Tabi'ie al-Jalil al-Imam pula berkata:

"Sesiapa mengkhatam pada suatu masa daripada waktu siang, bershalawat malaikat ke atasnya sehingga petang. (Sesiapa mengkhatam) pada suatu masa daripada waktu malam, bershalawat malaikat ke atasnya sehingga Subuh."

Al-Imam Abu Muhammad ad-Darimiy *Rahimahullah* daripada Sa'ad bin Abi Waqash *Radhiallahu 'anhu* berkata:

“Apabila bertepatan waktu mengkhatam al-Qur’an itu pada awal malam, bershalawat malaikat ke atasnya sehingga Subuh. Jika bertepatan waktu khatamnya pada akhir malam, bershalawat malaikat ke atasnya sehingga petang.”

Dalam hal mengkhatam al-Qur’an ini, apabila seseorang itu mengkhatam al-Qur’an dengan berseorang diri, sunat dilakukannya ketika berada dalam sembahyang. Adapun jika di luar sembahyang dan mengkhatamnya secara berkumpul, sunat dilakukan pada awal malam atau awal siang sebagaimana penjelasan sebelum ini. Sunat pula berpuasa di hari khatam tersebut melainkan jika bertepatan pada hari itu dengan hari ditegah untuk berpuasa. Ini kerana para Tabi‘ien berpuasa pada hari mereka khatam itu.

Khatam al-Qur’an

Apabila hendak mengkhatam al-Qur’an 30 juz, maka adalah wajar diadakan majlis dengan menghimpunkan sanak saudara dalam majlis berkenaan. Perkara ini sangat dianjurkan oleh para sahabat sebagaimana yang diterangkan dalam sebuah riwayat daripada Qatadah at-Tabi‘ie (Tabi‘in) dia berkata:

()

Maksudnya: *“Adalah Anas bin Malik Radhiallahu ‘anhu (sahabat Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam) apabila dia mengkhatamkan al-Qur’an, dihimpunkannya anaknya dan ahli keluarganya dan dia pun berdoa untuk mereka.”*

(Hadis riwayat ad-Darimiy)

Anjuran menghimpunkan sanak saudara dalam Majlis Khatam al-Qur’an adalah bagi tujuan untuk sama-sama mendapat keberkatan dan rahmat hasil daripada bacaan doa dalam majlis tersebut kerana di dalam majlis tersebut doa diperkenankan dan rahmat diturunkan berdasarkan riwayat daripada Mujahid Radhiallahu ‘anhu, beliau berkata:

()

Maksudnya: “Telah sampai kepadaku (utusan) yang berkata: Sesungguhnya kami menjemputmu kerana kami hendak mengkhatakkan al-Qur’an. Sesungguhnya telah sampai kepada kami bahawa doa diperkenankan ketika khatam al-Qur’an.

Dia (Mujahid) berkata: Maka mereka pun berdoa (pada majlis khatam) dengan berbagai doa.”

(Hadis riwayat ad-Darimiy)

Dalam riwayat yang lain, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* juga pernah memerintahkan perempuan yang haidh untuk keluar rumah pada hari raya dengan tujuan menghadiri majlis yang berkebajikan seperti majlis ilmu dan majlis-majlis yang terkandung di dalamnya doa seperti majlis khatam al-Qur’an.

Oleh kerana itu, adalah sunat (mustahab) hadir di majlis khatam itu beramai-ramai sama ada yang baik bacaan al-Qur’annya ataupun sebaliknya.

Bertadarus dan Kelebihannya

Selain daripada membaca al-Qur’an secara bersendirian, membaca al-Qur’an secara berkumpulan merupakan perkara yang digalakkan. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berpendapat bahawa jika satu kumpulan itu membaca al-Qur’an secara berganti-ganti atau bergilir-gilir, maka itu adalah suatu langkah atau cara yang baik dan diharuskan.

Gambaran yang diberikan mengenai kaedah bergilir-gilir ialah seorang *qari’* (pembaca) al-Qur’an membaca sebanyak sepuluh ayat atau satu juz atau seumpamanya, dan apabila dia selesai membaca dia pun diam. Kemudian bacaan ayat seterusnya disambung lagi oleh pembaca selepasnya dan begitulah seterusnya sehingga selesai. Kelebihan membaca dan mempelajari al-Qur’an secara beramai-ramai adalah sangat besar ganjarannya. Ini jelas disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* yang sering dibawakan sebagai dalil mengenai perkara ini:

()

Maksudnya: *“Tidak berkumpul satu kaum di suatu rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), mereka itu membaca al-Qur’an dan saling bertadarus antara mereka melainkan diturunkan ke atas mereka ketenangan, diselubungi rahmat, di kelilingi para malaikat rahmat dan Allah mengingati mereka pada siapa di sisiNya.”*

(Hadis riwayat Muslim)

Selain daripada masjid dan tempat ibadat, maka termasuklah juga di rumah, tempat belajar ilmu, sekolah dan yang seumpamanya.

Disebutkan dalam kitab Tuhfah al-Ahwadzi, antara maksud ‘*tadarus*’ itu ialah:

1. Sebahagian daripada pembaca itu membaca dan sekaligus memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an kepada sebahagian yang lain, dengan tujuan untuk pembetulan (*tashhih*) lafaz-lafaz al-Qur'an (sekiranya ada kesalahan atau kesilapan) ataupun dengan tujuan untuk mengetahui makna-maknanya;

Berdasarkan kepada pengertian tadarus di sini, ianya serupa dengan apa yang pada kebiasaannya dilaksanakan ketika bertadarus khususnya di bulan Ramadhan. Sebahagian atau seorang daripada kumpulan itu memperdengarkan bacaannya, manakala sebahagian yang lain itu mendengar sambil menyemak bacaan tersebut. Jika terdapat kesalahan atau kesilapan, maka individu atau kumpulan yang menyemak tadi akan segera memperbetulkannya.

Untuk menambahkan lagi kualiti pembacaan, adalah disarankan, dalam kumpulan itu terdapat seorang yang baik bacaan al-Qur'annya, maka dia boleh pula membimbing pembaca-pembaca yang lain apabila diperlukan.

2. Maksud tadarus itu, membaca al-Qur'an dengan bersungguh-sungguh (komited) dengan cara menjaga dan mengamalkannya agar tidak lupa.
3. Menurut al-Qari', tadarus itu lebih khusus daripada membaca al-Qur'an semata-mata.

Namun bagi mereka yang enggan memperdengarkan bacaannya kerana sebab-sebab tertentu, seperti kurang mahir dalam bacaan atau alunan suara, janganlah merasa rendah diri dan malu, kerana tujuan asal bertadarus ialah untuk mendapatkan pahala membaca al-Qur'an, dan untuk mempelajari al-Qur'an, memperbaiki mutu bacaan dan memperbetulkan bacaan *qari'* (si pembaca) jika terdapat lafaz-lafaz atau bacaan yang tidak betul. Perkara ini sukar diperolehi ketika membaca al-Qur'an secara bersendirian. Apatah lagi membaca al-Qur'an secara bertadarus itu mempunyai ganjaran dan kelebihan tersendiri.

Oleh yang demikian, janganlah kita sekali-kali meninggalkan membaca al-Qur'an, kerana membaca al-Qur'an itu mempunyai banyak fadhilat dan kelebihan bukan sahaja kepada pembacanya, bahkan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Perbanyakkanlah membaca al-Qur'an khususnya pada bulan Ramadhan kerana pada hari kiamat al-Qur'an akan datang sebagai pemberi syafaat bagi orang yang membacanya, sebagaimana riwayat Abu Umamah *Radhiallahu 'anhu*:

()

Maksudnya: *“Aku pernah mendengar Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Bacalah oleh kamu al-Qur’an, sesungguhnya (al-Qur’an) itu datang pada hari Qiamat menjadi syafa‘at kepada pembacanya.”*

(Hadis riwayat Muslim)

Jelasnya, al-Qur'an adalah zikir, doa dan juga permohonan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar mengurniakan kebaikan, rahmat dan keampunan kepada orang-orang yang membacanya. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *“Tuhan ‘Azza wa Jalla berfirman: “Barangsiapa sibuk membaca al-Qur’an untuk selalu mengingatiKu, maka Aku beri dia lebih utama daripada apa yang Aku berikan kepada orang-orang yang memintaminta. Dan keutamaan kalam Allah dan kalam-kalam yang lainnya adalah seperti keutamaan Allah pada makhlukNya.”*

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)